

# Unisza idam Piala Menteri 2015

Status juara Liga IPT jadi pembakar semangat

SNAR HARIAN / 2 JULAI 2015

■ ZUBIR SULAIMAN

## KUALA TERENGGANU-

Selepas muncul juara buat pertama kali dalam divisyen satu Liga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) baru-baru ini, pasukan bola sepak Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) tekad melebarkan penguasaan sukan itu dengan meletakkan sasaran untuk memenangi salah satu daripada dua kejohanan utama bola sepak IPT menjelang penghujung tahun ini.

Dua kejohanan yang bakal disertai itu termasuklah Kejohanan Bola Sepak Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) dan Kejohanan Pala Menteri Pendidikan yang masing-masing diadualkan membuka tirainya pada Ogos dan September ini.

Pengurus pasukannya, Muzafar Mohd Din berkata, selepas melancarkan kemenangan dalam Liga IPT awal bulan lalu, pasukannya kini mula menjalani latihan sejak minggu kedua Ramadan sebelum rehat selama seminggu bagi meraikan Aidilfitri.

Menurutnya, selepas kembali daripada hari raya nanti,



Pemain dan pegawai pasukan bola sepak Unisza bergambar selepas menerima sijil dan insentif raya pada majlis berbuka puasa di Primula Hotel, semalam.

pemain akan meneruskan sesi latihan yang lebih komprehensif dalam memperkembangkan lagi pasukan menjelang dua kejohanan penting tersebut.

"Bagaimanapun sasaran kita sebenarnya adalah untuk meraih gelaran juara dalam Kejohanan Pala Menteri (Pendidikan), tapi kita tetap akan berusaha untuk beri persembahan terbaik dalam kedua-dua kejohanan itu nanti.

"Saya yakin pasukan kita (Unisza) mampu ulangi ke-

jayaan sebagaimana yang dibuktikan mereka, tambahan pula skuad Unisza turut dipertingkatkan dengan kehadiran tiga tonggak import dari Thailand dan seorang dari Thailand (pelajar asing) selain pemain tempatan berbilang-bahagian.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis berbuka puasa dan penyampaian insentif kemenangan kepada penuntut Unisza yang menjuarai Liga Divisyen Satu IPT

awal bulan ini.

Hadir sama merasmikan majlis dan menyempaikan insentif kepada pemain, Pendaftar Unisza, Nordin Jusoh.

Dalam pada itu, Muzafar memberitahu selain dua kejohanan itu, selaku juara Liga IPT 2015, pasukan Unisza turut terpilih untuk mewakili negara dalam kejohanan antarabangsa dalam kejohanan antarabangsa iaitu Malaysia dan Thailand (Mas-Thai).

Kejohanan itu dijangka berlangsung hujung tahun ini dan merupakan penyertaan skuad Unisza dalam acara bola sepak.

Sementara itu, jurulatih pasukan, Zulhairisam Awang optinis skuad kendaliannya itu mampu memberi saingan dalam kesemua kejohanan khususnya Masum, meskipun terpaksa mengecipkan khidmat beberapa tonggak utama disebabkan terlibat dengan perlawanan dan sebagainya.

Bagaimanapun katanya, perkara itu tidak mengusarkan pasukan kerana beberapa pemain baharu telah di-kernal pasti untuk mengisi kekosongan.

"Berdasarkan kekuatan yang kita ada ketika ini termasuk beberapa pemain dari skuad belia Terengganu dan Pala Presiden T-Team, saya yakin kita mampu melangkah sekurang-kurangnya ke separuh akhir sebagaimana musim lalu," katanya.